

SIJIL TAKAFUL KELUARGA ETIQA

i-MedicalCard Elite

PENYATA MAKLUMAT SIJIL

Pertukaran alamat	Sila maklumkan Kami dengan segera tentang pertukaran alamat Peserta atau Penama, untuk memastikan tidak ada gangguan komunikasi dari Kami kepada Anda dan Penama.
Kegagalan membayar Sumbangan	Setiap Peserta mempunyai kewajipan untuk membayar Sumbangan kepada Kami, menurut mod Sumbangan dan terma-terma lain yang dipersetujui antara Peserta dan Kami. Anda diberi Tempoh Tangguh tiga puluh satu (31) hari untuk membayar Sumbangan yang perlu dibayar. Jika Kami tidak menerima Sumbangan anda dalam Tempoh Tangguh, Sijil Anda mungkin Luput, kecuali seperti yang dinyatakan di bawah Peruntukkan Sumbangan, Luput dan Pengembalian Semula.
Pembayaran Sumbangan	Anda boleh membayar Sumbangan secara: 1) Kad kredit; 2) Kad debit; atau 3) Perkhidmatan auto debit akaun perbankan. Kami mempunyai hak untuk mempelbagaikan kaedah pembayaran dari masa ke masa, yang akan dimaklumkan kepada Anda melalui saluran-saluran atau medium-medium yang akan Kami tentukan.
Hak untuk menamatkan Sijil	Peserta berhak menamatkan Sijil atas apa jua sebab. Sekiranya penamatan dibuat dalam Tempoh Percuma lima belas (15) hari, Kami akan membatalkan Sijil dan mengembalikan jumlah Sumbangan yang Kami terima, ditolak sebarang fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung. Notis mestilah diterima oleh Kami dalam Tempoh Percuma. Sijil juga akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar secara peribadi, tarikh penghantaran sekiranya dihantar kepada Kami menggunakan pos berdaftar, atau tarikh transmisi sekiranya transmisi secara elektronik digunakan. Sekiranya penamatan dibuat selepas Tempoh Percuma, Peserta mungkin akan menerima lebihan DRP, jika ada.
Hak untuk menamakan Manfaat Takaful	Sekiranya Peserta adalah Orang Yang Dilindungi, Peserta Sijil boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi untuk mengagihkan Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada harta pusaka Peserta mengikut undang-undang yang berkenaan, atau sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat. Penamaan perlu didaftarkan dengan Kami, dan boleh dibuat: 1) Semasa permohonan dibuat; atau 2) Dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Sijil dikeluarkan. Peserta boleh menentukan bahagian pengagihan Manfaat Takaful untuk dibayar kepada setiap wasi atau benefisiari. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar wasi atau benefisiari secara sama rata. Penamaan benefisiari di bawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar kepada benefisiari apabila berlakunya kematian Peserta. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Peserta, atau tertakluk kepada hutang mereka. Apabila Manfaat Takaful dibayar, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Sijil ini.
Hak untuk menukar pemilikan Sijil	Sekiranya Peserta bukan Orang Yang Dilindungi, Peserta boleh menukar pemilik kepada Orang Yang Dilindungi, Permintaan Anda untuk mengubah pemilik Sijil mestilah secara bertulis, memuaskan Kami, dan mesti dihantar kepada Ibu Pejabat Kami. Untuk Sijil dengan Orang Yang Dilindungi juvana, apabila Orang Yang Dilindungi mencapai hari lahir ke-enam belas (ke-16), pemilikan Sijil ini boleh dipindahkan kepadanya, setelah mendapat persetujuan dari Peserta.

Hak untuk membatalkan penamaan	Penamaan akan dibatalkan: 1) Apabila Penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, kesemua Penama meninggal dunia semasa Anda masih hidup; 2) Melalui notis bertulis daripada Peserta kepada Kami; atau 3) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Peserta kepada Kami. Tertakluk kepada perkara di atas, penamaan tidak akan dibatalkan melalui wasiat atau dengan apa-apa tindakan, peristiwa atau cara-cara lain. Sekiranya terdapat lebih daripada satu Penama dan salah seorang daripada Penama yang dinamakan sebagai benefisiari dibawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Peserta, Kami akan membayar bahagian Penama yang telah meninggal dunia kepada estet Peserta tersebut jika Peserta meninggal dunia, kecuali jika Peserta telah membuat penamaan bagi menggantikan bahagian Penama yang telah meninggal dunia tersebut.
Ilustrasi Pemasaran	Sebarang ilustrasi pemasaran yang Anda telah terima adalah sebagai rujukan sahaja untuk Anda fahami manfaat, terma dan syarat Sijil ini. Ilustrasi pemasaran tidak bertujuan menjadi kontrak yang sah di antara Anda dan Kami.
Alamat Ibu Pejabat Kami	Alamat Ibu Pejabat Kami adalah: Etiqa Family Takaful Berhad Tingkat 19, Menara C, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Nombor Telefon: 03-2297 3888 Nombor Faksimili: 03-2297 3800 Emel: info@etiqa.com.my
Proses tuntutan dan bagaimana membuat tuntutan	Pihak Menuntut hendaklah memaklumkan kepada Kami mengenai suatu tuntutan bagi apa-apa Manfaat Takaful dengan menulis ke alamat Kami, dalam tempoh masa pemberitahuan notis. Pemberitahuan tuntutan mestilah termasuk mengemukakan bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti salinan kad pengenalan, pasport, dan dokumen-dokumen tuntutan yang lain. Tempoh notis tuntutan dan pendokumenan tuntutan adalah khusus kepada jenis Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil. Notis tuntutan boleh dikemukakan selepas tempoh masa pemberitahuan notis, jika ia boleh dibuktikan notis tersebut telah diserahkan seberapa segera yang mungkin. Sekiranya sebarang bantuan diperlukan apabila membuat tuntutan, Pihak Menuntut perlu menghubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888. Dokumen tambahan mungkin akan diminta oleh Kami semasa Pihak Menuntut memaklumkan Kami mengenai tuntutan, atau selepas penilaian awal dokumen yang disertakan dengan borang tuntutan. Pihak Menuntut akan dimaklumkan secara bertulis mengenai sebarang keperluan dokumen tambahan. Dokumen bagi menyokong tuntutan hendaklah disediakan atas tanggungan Pihak Menuntut. Setelah semua dokumen diterima oleh Kami, Kami akan menerima atau menolak tuntutan untuk manfaat mengikut terma dan syarat Sijil. Keputusan tuntutan oleh Kami akan dimaklumkan kepada Pihak Menuntut secara bertulis. Kami berhak untuk menolak apa-apa caj yang berkenaan dan amaun yang tertunggak sebelum membayar tuntutan bagi Sijil ini.
Bagaimana untuk menghubungi Kami	Jika Anda perlu menghubungi Kami, mempunyai apa-apa soalan berkaitan Sijil, atau perlu mengubah kandungan Sijil, sila tulis ke alamat pos Kami di Etiqa Family Takaful Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau faksimili ke 03-2297 3800, atau e-mel ke info@etiqa.com.my, atau hubungi di 03-2297 3888, atau hubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888.
Bagaimana untuk membuat aduan kepada Kami	Jika Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Kami di bawah Sijil ini, sila tulis ke alamat pos Kami: Unit Pengurusan Aduan, Etiqa Family Takaful Berhad, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau e-mel ke complaint_cmu@etiqa.com.my. Nombor telefon Kami adalah 1-300-13-8888 (untuk pemanggil luar negara nombor talian adalah +603-2780 4500).
Bagaimana untuk membuat aduan kepada pengawal selia kerajaan	Jika Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Kami, sila tulis kepada BNM, termasuk butir-butir cara pengendalian, jenis pertikaian, nama Kami, nombor Sijil, dan apa-apa surat-menyurat di antara Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami. Alamat pos bagi menulis ke BNM adalah: Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur; faksimili kepada 03-2174 1515, atau e-mel di bnmlink@bnm.gov.my. Nombor telefon BNM adalah 1-300-88-5465.

Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara	Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa Family Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa Family Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi FMOS melalui: Talian am: 03-2272 2811 Alamat pos: Ketua Pegawai Eksekutif, Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No. Syarikat: 200401025885) (Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan), Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur. Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat FMOS. FMOS perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa Family Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta. Untuk maklumat lanjut mengenai FMOS, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa Family Takaful Berhad atau layari laman web FMOS di www.fmos.org.my. Penglibatan FMOS adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi FMOS tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa Family Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh FMOS.
Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui penimbangtara	Jika Pihak Menuntut atau Peserta mempertikaikan keputusan yang telah Kami buat berkaitan dengan Sijil ini, dan tidak mahu untuk menggunakan pengantara bagi pertikaian itu, atau tidak menerima keputusan FMOS selepas pengantara, Pihak Menuntut atau Peserta boleh merujuk kepada Penimbang tara. Permohonan untuk rujukan hendaklah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada pemberitahuan keputusan tersebut. Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami akan sama-sama bersetuju untuk melantik seorang Penimbang Tara. Jika Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbang Tara dalam tempoh satu (1) bulan notis timbangtara, maka Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami perlu melantik seorang Penimbang Tara bagi setiap pihak, dan kedua-dua Penimbang Tara akan melantik seorang pengadil. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan persidangan mereka. Semua pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang membuat pelantikan tersebut. Penimbang Tara (dalam hal Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami bersetuju untuk seorang Penimbang Tara), atau Penimbang Tara-Penimbang Tara dan pengadil (dalam hal Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami tidak bersetuju dengan seorang Penimbang Tara), hendaklah mengkaji semula pertikaian itu dan membuat keputusan. Keputusan timbangtara akan merangkumi penyelesaian pertikaian dan kos timbangtara. Keputusan timbang tara tidak boleh dipertikaikan dan mengikat kedua-dua pihak iaitu Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami.

Nota: Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada terma dan syarat menyeluruh di bawah Sijil.

SIJIL TAKAFUL KELUARGA ETIQA

i-MedicalCard Elite

Sijil ini adalah Keseluruhan Kontrak antara Anda dengan Kami	Sijil ini merupakan keseluruhan kontrak antara Anda dengan Kami, dan terdiri daripada: 1) Sijil ini; 2) Borang permohonan; 3) Jadual Takaful; 4) Penyata Maklumat Sijil; dan 5) Apa-apa Endorsemen yang boleh Kami keluarkan berhubung dengan Sijil ini. Apa-apa perubahan pada Sijil ini mestilah terkandung dalam Endorsemen yang disahkan oleh Etiqa Family Takaful Berhad. Memandangkan ini ialah kontrak sah antara Anda dengan Kami, sila baca Sijil Anda dengan teliti dan pastikan pelan Takaful ini memenuhi keperluan Anda.
---	--

DEFINISI UMUM

Seksyen ini mengenal pasti dan mendefinisikan frasa, perkataan atau singkatan yang umum di seluruh Sijil. Definisi ini dikenal pasti dalam huruf besar. Jika definisi ini disediakan dalam bentuk tunggal, tafsiran itu termasuk kata bilangan atau sebaliknya mengikut konteks yang bersesuaian.

Frasa, Perkataan atau Singkatan Umum	Definisi
Kemalangan	Kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, bersifat ganas, tidak dijangka dan tidak dirancang yang mengakibatkan kecederaan anggota badan luaran dan dapat dilihat.
Pakar Bius	Seseorang individu yang dilesenkan atau berdaftar untuk mengamalkan anestesiologi dalam kawasan geografi Perkhidmatan Perubatan dibekalkan, kecuali Peserta atau Orang Yang Dilindungi.
Penimbang Tara	Pihak bebas, yang dilantik untuk mengadili dalam menyelesaikan pertikaian antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif kepada mahkamah. Penimbang Tara adalah selain daripada BNM dan FMOS.
Bank Negara Malaysia, atau BNM	Badan kerajaan yang utama di Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia pengendali Takaful. Biro Perkhidmatan Pelanggan BNM menyediakan ruang kepada sesuatu pihak untuk memfailkan aduan terhadap sebarang salah laku atau amalan pasaran yang tidak adil oleh pengendali Takaful.
Sijil	Dokumen ini, atau apa-apa Endorsemen yang dikenal pasti sebagai berkaitan rapat dengan dokumen ini.
Ulang Tahun Sijil	Ulang tahun Tarikh Permulaan.
Tahun Sijil	Tempoh satu (1) tahun yang bermula dari Tarikh Permulaan, atau Ulang Tahun Sijil yang seterusnya.
Pihak Menuntut	Peserta, Orang Yang Dilindungi atau Penama Sijil ini, yang berhak untuk menuntut Manfaat Takaful, mengikut terma dan syarat Sijil.
Tarikh Permulaan	Tarikh terawal untuk Peserta layak menerima Manfaat Takaful mengikut terma dan syarat Sijil. Tarikh Permulaan dinyatakan di dalam Jadual Takaful.
Hibah Bersyarat	Hibah adalah pemindahan hak milik sesuatu aset daripada suatu pihak kepada pihak lain tanpa sebarang balasan atau ganjaran. Berhubung dengan bayaran Manfaat Takaful, Hibah Bersyarat adalah pemindahan hak milik Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada benefisiari apabila kematian Orang Yang Dilindungi, yang juga Peserta, semasa Sijil masih Berkuat Kuasa.
Keadaan Kongenital	Keadaan Kongenital bermaksud: 1) Apa-apa keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran; atau 2) Keabnormalan fizikal neo-natal yang terbentuk dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelahiran. Ini termasuk semua jenis Hernia dan Epilepsi kecuali jika mereka disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas Sijil Berkuat Kuasa.

Sumbangan	Amaun yang dibayar secara berkala oleh Peserta kepada Kami mengikut terma dan syarat Sijil.
Pembedahan Balik Hari	Pembedahan yang tidak memerlukan tinggal bermalam di Hospital, tetapi mungkin memerlukan penggunaan kemudahan pemulihan.
Deduktibel	Jumlah wang perbelanjaan perubatan yang perlu ditanggung dan dibayar oleh Anda, sebelum Manfaat dibayar oleh Kami pada Tahun Sijil yang sama. Untuk menentukan sama ada jumlah Deduktibel telah dicapai, semua perbelanjaan yang layak akan ditentukan berdasarkan Bayaran Munasabah dan Biasa. Amaun Deduktibel dinyatakan di dalam Jadual Takaful.
Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah	Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah bermaksud pengamal perubatan: 1) Yang berlesen atau berdaftar untuk mengamalkan perubatan barat; 2) Yang semasa memberikan rawatan tersebut, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi amalan Perkhidmatan Perubatan dibekalkan; dan 3) Yang bukan merupakan Orang Yang Dilindungi atau Peserta.
Rawatan Kecemasan	Kejadian di mana rawatan perubatan segera dalam masa dua puluh empat (24) jam untuk memelihara nyawa atau anggota badan diperlukan untuk hilang upaya secara tiba-tiba dan gagal teruk yang akan mengancam nyawa atau membawa kepada kemerosotan kesihatan yang serius.
Endorsemen	Perubahan terhadap Sijil. Endorsemen akan dimaklumkan atau dikeluarkan oleh Kami kepada Anda.
Tarikh Tamat Tempoh	Tarikh terakhir untuk Orang Yang Dilindungi layak menerima Manfaat Takaful mengikut terma dan syarat Sijil. Tarikh Tamat Tempoh dinyatakan di dalam Jadual Takaful.
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan, atau FMOS	Sebuah badan bebas yang ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif kepada mahkamah.
Tempoh Percuma	Tempoh lima belas (15) hari bermula apabila Sijil telah diterima oleh Peserta.
Pengamal Am	Seorang Pakar Perubatan yang amalannya terdiri dari memberi rawatan primer dalam tetapan Pesakit Luar dan merangkumi pelbagai masalah perubatan pesakit daripada semua peringkat umur. Ini sering merangkumi rujukan kepada Pakar yang sesuai. Pengamal Am bukan merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi.
Tempoh Tangguh	Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada Peserta untuk membayar Sumbangan yang perlu dibayar. Tempoh Tangguh di bawah Sijil ini adalah tiga puluh satu (31) hari dari tarikh Sumbangan tersebut perlu dibayar.
Hospital	Institusi berdaftar di bawah penyeliaan Pakar Perubatan, ditubuhkan untuk tujuan menyediakan rawatan dan penjagaan pesakit yang sakit atau tercedera di atas katil berbayar, dan mempunyai kemudahan untuk: 1) Menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam oleh jururawat berdaftar dan berijazah; dan 2) Diagnosis dan pembedahan utama. Hospital secara jelasnya bukan: 1) Terutamanya sebuah klinik; 2) Rumah pemulihan, penjagaan atau rehat pulih; 3) Pusat pemulihan bagi penagih alkohol atau dadah; atau 4) Rumah untuk orang tua atau uzur.
Penghospitalan	Kemasukan Orang Yang Dilindungi ke Hospital sebagai pesakit dalam berdaftar untuk rawatan untuk Keadaan Perubatan apabila disyorkan oleh Pakar Perubatan. Orang Yang Dilindungi hendaklah tinggal secara fizikal di Hospital dalam tempoh penuh dimasukkan ke Hospital.

Berkuat Kuasa	Status bagi Sijil yang menunjukkan kelayakan Peserta untuk Manfaat Takaful mengikut terma dan syarat Sijil ini. Sijil ini berstatus Berkuat Kuasa pada masa tertentu jika pada masa itu semua syarat yang berikut dipenuhi: 1) Kami telah mengeluarkan Sijil kepada Peserta; 2) Orang Yang Dilindungi masih hidup; 3) Sumbangan yang perlu dibayar untuk Sijil telah diterima oleh Kami dalam Tempoh Tangguh, atau Pengembalian Semula Sijil oleh Kami mengikut terma dan syarat Sijil; 4) Kelayakan Peserta terhadap Manfaat Takaful tersebut belum ditamatkan atau dibatalkan, mengikut terma dan syarat Sijil; dan 5) Belum melebihi Tarikh Tamat Tempoh.
Unit Rawatan Rapi	Bermaksud yang berikut: 1) Bahagian yang dikhususkan di Hospital yang diselenggarakan dua puluh empat (24) jam; 2) Semata-mata untuk merawat pesakit dalam keadaan kritikal; dan 3) Dilengkapi untuk memberikan perkhidmatan kejururawatan dan perubatan khas yang tidak disediakan di mana-mana bahagian lain di Hospital itu.
Tarikh Dikeluarkan	Tarikh Sijil telah dikeluarkan oleh Kami. Tarikh Dikeluarkan dinyatakan di dalam Jadual Takaful.
Ju'alah	Ju'alah bermaksud kontrak ganjaran iaitu salah satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada sesiapa yang mencapai sesuatu objektif dalam tempoh yang ditetapkan ataupun tidak ditetapkan. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ini merujuk kepada asas pengagihan perkongsian lebihan daripada DRP yang dipersetujui antara Pengendali Takaful dan Peserta dengan Peserta menawarkan ganjaran kepada Etiqa Family Takaful bagi pengurusan DRP yang baik.
Luput	Siji akan mempunyai status Luput apabila Sumbangan-sumbangan yang perlu dibayar tidak diterima oleh Kami dalam Tempoh Tangguh.
Hospital Kerajaan Malaysia	Hospital yang ditubuhkan, diselenggara, dikendalikan atau disediakan oleh Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk Hospital Kerajaan Malaysia yang diswastakan atau diperbadankan.
Maklumat Material	Sebarang maklumat (termasuk laporan), jawapan, dan pendedahan yang dikemukakan oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi, atau pihak ketiga bagi pihak Peserta atau Orang Yang Dilindungi, yang: 1) Berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi atau Peserta; dan 2) Diberikan sebelum Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Endorsemen terbaru.
Keadaan Perubatan	Penyakit atau kecederaan yang berbeza daripada keadaan kesihatan yang biasa dari segi patologi, yang disebabkan oleh satu punca atau beberapa punca yang berkaitan.
Institusi Perubatan	Satu Hospital atau kemudahan yang dilesenkan untuk membekalkan Perkhidmatan Perubatan.
Perkhidmatan Perubatan	Nasihat, penjagaan, diagnosis, ubat-ubatan, bekalan, pemeriksaan atau rawatan yang diberikan kepada Orang Yang Dilindungi untuk Keadaan Perubatan, oleh sesuatu Pembekal Perkhidmatan Perubatan.
Pembekal Perkhidmatan Perubatan	Satu Institusi Perubatan, Ambulans, Pakar Bius, Doktor, Pegawai Farmasi, Pakar Perubatan, Pakar Bedah, atau Pakar.
Perlu Dari Segi Perubatan	Satu perkhidmatan perubatan yang: 1) Konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa untuk Keadaan Perubatan yang dilindungi; 2) Sejajar dengan piawaian amalan perubatan yang baik, konsisten dengan piawaian semasa bagi rawatan perubatan profesional, dan manfaat perubatan terbukti; 3) Bukan untuk kemudahan Orang Yang Dilindungi atau pengamal perubatan, dan tidak dapat diperolehi sewajarnya di luar Hospital (jika diterima masuk sebagai pesakit dalam); 4) Bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, teknologi perubatan atau prosedur, yang belum terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan yang wujud, dan tidak diluluskan oleh badan yang diiktiraf di negara Orang Yang Dilindungi menerima rawatan; 5) Bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa bagi Keadaan Perubatan yang dilindungi; dan 6) Memberikan rawatan yang berkaitan secara langsung dengan Keadaan Perubatan yang dilindungi.

Mudarabah	Mudarabah bermaksud kontrak antara penyumbang modal (rabbul mal) dan pengelola (mudarib) iaitu rabbul mal menyediakan modal untuk diuruskan oleh mudarib dan sebarang keuntungan hasil daripada modal dikongsi antara rabbul mal dan mudarib mengikut nisbah perkongsian untung yang telah dipersetujui bersama, manakala kerugian akan ditanggung oleh rabbul mal dengan syarat kerugian tersebut bukan berpunca daripada salah laku, kecuai atau kemungkiran terma-terma spesifik oleh mudarib. Berkenaan dengan kontrak Takaful, Pengendali Takaful bertindak sebagai mudarib manakala Peserta sebagai rabbul mal dalam perkongsian keuntungan pelaburan daripada dana berasingan.
Penama	Orang yang dinamakan oleh Anda untuk menerima Manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah Sijil setelah kematian Orang Yang Dilindungi. Penamaan mestilah didaftarkan dengan Kami.
Pesakit Luar	Seseorang yang melawat Hospital, klinik atau kemudahan kesihatan lain untuk diagnosis atau rawatan tanpa Penghospitalkan.
Had Tahunan Keseluruhan	Jumlah semua Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini adalah terhad kepada Had Tahunan Keseluruhan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi Pelan sepadan yang dinyatakan dalam Jadual Takaful setiap Tahun Sijil. Sebaik sahaja Kami telah membayar hingga Had Tahunan Keseluruhan, Kami tidak akan membayar apa-apa Manfaat lagi bagi tempoh Tahun Sijil selebihnya.
Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Jumlah semua Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini dari Tarikh Permulaan Sijil adalah terhad kepada Had Sepanjang Hayat Keseluruhan yang ditunjukkan di Jadual Manfaat untuk pelan yang dinyatakan di Jadual Takaful.
Dana Risiko Peserta, atau DRP	Akaun berkaitan bahagian Tabarru' bagi Sumbangan digunakan untuk tujuan memenuhi Manfaat Takaful yang telah dikenal pasti dalam terma dan syarat Sijil tersebut. Ia dimiliki sepenuhnya oleh sekumpulan Peserta Takaful.
Peserta, atau Anda	Entiti atau orang yang dinamakan sebagai Peserta di dalam Jadual Takaful. Peserta mempunyai hak penuh ke atas Sijil.
Orang Yang Dilindungi	Orang yang dinamakan sebagai Orang Yang Dilindungi di dalam Jadual Takaful sebagai nyawa yang dilindungi. Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai apa-apa hak ke atas Sijil melainkan Orang Yang Dilindungi juga adalah Peserta.
Data Peribadi	Membawa maksud yang sama seperti di bawah seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi merujuk kepada maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang dikemukakan oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi atau pihak ketiga bagi pihak Peserta atau Orang Yang Dilindungi, yang berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi atau Peserta. Data Peribadi tidak termasuk maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang berada dalam domain awam.
Pegawai Farmasi	Seseorang individu yang dilesenkan dalam kawasan geografi Perkhidmatan Perubatan dibekalkan, untuk mengeluarkan ubat-ubatan terkawal atau Ubat yang Dipreskripsikan, kecuali Orang Yang Dilindungi, Peserta atau pasangan mereka.
Penyakit Sedia Ada	Satu Keadaan Perubatan yang Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah berdasarkan mana-mana yang berikut berlaku sebelum Tarikh Pengeluaran atau tarikh Pengembalian Semula Sijil: 1) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan untuk Keadaan Perubatan; 2) Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan yang telah disyorkan; 3) Gejala yang jelas dan nyata dapat atau telah dilihat dengan ketara; atau 4) Kewujudan Keadaan Perubatan tersebut adalah jelas kepada orang yang berfikir waras dalam keadaan tersebut.
Ubat yang Dipreskripsikan	Ubat yang Dipreskripsikan bermaksud ubat yang didispens oleh Pakar Perubatan, Ahli Farmasi atau Hospital dan yang telah dipreskripsikan oleh Pakar Perubatan atau Pakar berhubung dengan rawatan untuk Keadaan Perubatan yang dilindungi.
Qard	Qard, dalam konteks Sijil ini, bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Pengendali Takaful kepada Dana Risiko Peserta apabila ia tidak mencukupi untuk memenuhi obligasi Takaful. Pinjaman akan dibayar melalui lebihan masa hadapan daripada Dana Risiko Peserta.

Bayaran Munasabah dan Biasa	Caj-caj bagi penjagaan perubatan yang Perlu Dari Segi Perubatan akan dianggap Munasabah dan Biasa sehingga tidak melebihi tahap am bagi caj-caj yang dikenakan oleh pihak lain yang serupa di dalam Malaysia mengikut Jadual 13 bagi Perintah Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta Dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 dan pindaan berikutnya, jika ada. Caj-caj yang ditanggung tersebut, dengan mengambil kira rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang sama atau setanding kepada individu dengan jantina yang sama dan umur yang setanding bagi penyakit, atau kecederaan yang serupa dan mengikut piawaian dan amalan perubatan yang diterima tidak boleh ditinggalkan tanpa menjejaskan Keadaan Perubatan Orang Yang Dilindungi.
Pengembalian Semula	Tindakan mengaktifkan semula Sijil daripada keadaan Luput kepada Berkuat Kuasa, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil.
Siuman	Keadaan fikiran yang membenarkan pandangan, tingkah laku, dan interaksi sosial yang normal. Seseorang tidak dianggap sebagai Siuman jika orang itu: 1) Telah diperakui sebagai gila oleh pakar psikiatri, iaitu pakar psikiatri yang dilesenkan dan diiktiraf sebagai pakar psikiatri di Malaysia; dan 2) Sedang menjalani rawatan biasa oleh pakar psikiatri untuk punca, keadaan atau akibat yang secara langsung berkaitan dengan kegilaan.
Pakar	Pengamal perubatan atau pergigian: 1) Yang dirujuk oleh seorang Pakar Perubatan; 2) Yang berlesen atau berdaftar untuk mengamalkan perubatan barat; 3) Yang semasa memberikan rawatan tersebut, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi Perkhidmatan Perubatan dibekalkan; 4) Yang pakar dalam bidang perubatan atau pergigian yang khusus dan diiktiraf sedemikian oleh pihak berkuasa kesihatan yang sesuai; dan 5) Yang bukan merupakan Orang Yang Dilindungi atau Peserta itu.
Penyakit yang Ditetapkan	Penyakit yang Ditetapkan bermaksud Keadaan Perubatan berikut atau komplikasinya yang berkaitan, dengan Perkhidmatan Perubatan yang dibekalkan atau tanda-tanda telah jelas kepada Orang Yang Dilindungi dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari yang pertama dari tarikh Pengembalian Semula Sijil ini, untuk Keadaan-keadaan Perubatan dan komplikasi yang berkaitan: 1) Hipertensi, diabetes mellitus dan penyakit kardiovaskular; 2) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari; 3) Semua masalah telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak; 4) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosel, varikosele; 5) Endometriosis termasuk penyakit sistem reproduktif; atau 6) Gangguan spina vertebra (termasuk cakera) dan keadaan lutut.
Pembedahan	Pembedahan bermaksud mana-mana prosedur perubatan berikut: 1) Melakukan insisi, eksisi atau elektrokauteri pada mana-mana organ atau bahagian badan, kecuali untuk perkhidmatan pergigian; 2) Membaiki, mengubah, atau membina semula mana-mana organ atau bahagian badan; 3) Mengurangkan melalui manipulasi, fraktur atau dislokasi; atau 4) Menggunakan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing, atau uretra.
Tabarru'	Tabarru' bermaksud derma, hadiah atau sumbangan. Dalam Sijil Takaful Keluarga, ini bermakna Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam DRP.
Takaful	Takaful bermaksud kepada bantuan bersama berasaskan semangat persaudaraan dan perpaduan, iaitu Peserta bersetuju untuk membantu satu sama lain dari segi kewangan sekiranya memerlukan keperluan tertentu.
Manfaat Takaful, atau Manfaat	Nama kolektif bagi bayaran yang dibuat tertakluk kepada terma dan syarat di bawah seksyen Manfaat Takaful dalam Sijil ini.
Kami (Pengendali Takaful)	Etiqa Family Takaful Berhad.

Wakalah	Wakalah merujuk kepada kontrak iaitu satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dapat dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermakna Peserta telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP) bagi Peserta dengan fi yang dipersetujui. Peserta juga telah membenarkan Kami untuk mewakili hak, tugas dan kewajipan Kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Kami. Kami akan bertanggungjawab atas semua hak, kewajipan dan tanggungjawab tersebut kepada Peserta sepanjang tempoh delegasi tersebut.
Fi Wakalah	Sebahagian daripada Sumbangan yang digunakan untuk menanggung perbelanjaan Kami mengedar dan menguruskan Sijil dan dana Takaful bagi pihak Peserta.

TERMA DAN SYARAT UMUM

Asas kontrak	Sijil, Jadual Takaful dan Endorsemen, jika ada, adalah bukti kontrak antara Peserta dan Kami. Permohonan yang dibuat kepada Kami, dan apa-apa maklumat tambahan yang didedahkan kepada Kami berkaitan dengan perlindungan Takaful ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
Tajuk dan jadual	Melainkan dinyatakan sebaliknya, tajuk dan jadual dalam Sijil dimasukkan untuk kemudahan sahaja, dan tidak akan menjejaskan tafsiran Sijil.
Bagaimana untuk menghubungi Kami	Jika Anda perlu menghubungi Kami, mempunyai apa-apa soalan berkaitan Sijil, atau perlu mengubah kandungan Sijil, sila tulis ke alamat pos Kami di Etiqa Family Takaful Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau faksimili ke 03-2297 3800, atau e-mel ke info@etiqa.com.my , atau hubungi di 03-2297 3888, atau hubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888.
Matawang untuk semua bayaran	Semua bayaran di bawah Sijil hendaklah dibuat dalam mata wang sah Malaysia.
Undang-undang berkenaan	Sijil hendaklah ditafsirkan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.
Perubahan dalam percukaian, peraturan dan perundangan	Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.
Klausula pengecualian dan had sekatan	Sijil ini tidak akan memberi perlindungan dan pihak Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau menyediakan apa-apa Manfaat di bawah ini sekiranya penyediaan perlindungan, pembayaran sebarang tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Pengendali Takaful kepada mana-mana sekatan, larangan atau halangan di bawah ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau mana-mana negerinya, dan/ atau mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkaitan. Kami boleh menamatkan Sijil ini dengan serta-merta dan selepas itu tidak perlu menjalankan apa-apa urusan perniagaan dengan Anda berkaitan dengan Sijil ini.

HAK DAN KEWAJIPAN UMUM

Prasyarat terhadap hak	Pematuhan dan pelaksanaan sewajarnya bagi terma dan syarat Sijil akan menjadi prasyarat terhadap hak Peserta dan Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil.
Hak untuk menamatkan Sijil	Peserta berhak menamatkan Sijil atas apa jua sebab. Sekiranya penamatan dibuat dalam Tempoh Percuma lima belas (15) hari, Kami akan membatalkan Sijil dan mengembalikan jumlah Sumbangan yang Kami terima, ditolak sebarang fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung. Notis mestilah diterima oleh Kami dalam Tempoh Percuma. Sijil juga akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar secara peribadi, tarikh penghantaran sekiranya dihantar kepada Kami menggunakan pos berdaftar, atau tarikh transmisi sekiranya transmisi secara elektronik digunakan. Sekiranya penamatan dibuat selepas Tempoh Percuma, Peserta mungkin akan menerima lebihan DRP, jika ada.
Hak untuk menamatkan kerana pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan	Jika Kami mengetahui, atau mengesyaki bahawa Sijil dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil dengan segera. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil mengikut undang-undang yang berkaitan.
Tanggungjawab untuk membetulkan kesilapan dan ralat	Kami akan membetulkan apa-apa kesilapan atau ralat yang dibuat di dalam Sijil sebaik sahaja Kami sedari, atau dimaklumkan mengenai kesilapan atau ralat tersebut. Pembetulan yang Kami akan buat mestilah melalui Endorsemen terhadap Sijil, dan akan hanya sah bermula dari Tarikh Permulaan Endorsemen.
Hak dan tanggungjawab di bawah prinsip Takaful	Manfaat Takaful dan Sumbangan dibayar berdasarkan kepada Tabarru'. Manfaat Takaful dan Sumbangan dibayar mengikut terma dan syarat Sijil ini. Kami mempunyai hak untuk mengenakan Fi Wakalah sebagai Pengendali Takaful, yang akan ditolak daripada setiap Sumbangan yang diterima oleh Kami. Kami bertanggungjawab untuk melaburkan DRP mengikut prinsip Syariah.

Tanggungjawab dan hak terhadap perlindungan data	Kami dapat memproses Data Peribadi menurut seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami boleh mendedahkan Data Peribadi yang dikemukakan oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi, sebagaimana diperlukan, kepada: 1) Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd; 2) Entiti lain dalam Kumpulan Maybank; 3) Ejen-ejen Kami yang sah dan penyedia perkhidmatan yang mempunyai perjanjian berkontrak dengan Kami untuk menyediakan fungsi, perkhidmatan dan aktiviti; 4) Syarikat insurans atau pengendali Takaful lain dan pihak pengedar (contoh: bank, bank-bank Islam, broker insurans, broker Takaful, syarikat reinsurans, pengendali Retakaful); 5) Persatuan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA); 6) Peniaga dan rakan strategik Kami; 7) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi (dari semasa ke semasa); atau 8) Penguatkuasa undang-undang dan agensi-agensi kerajaan sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajipan kepada pihak berkuasa. Peserta dan Orang Yang Dilindungi perlu mengemas kini Data Peribadi dengan Kami seberapa segera yang praktik. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung bagi Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami. Kami mungkin dari semasa ke semasa meminta Peserta dan Orang Yang Dilindungi untuk memberikan Data Peribadi lain yang berkaitan dengan Sijil. Sebelum memberikan Kami dengan Data Peribadi mana-mana individu, Peserta atau Orang Yang Dilindungi yang memberikan Data Peribadi hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami. Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888, atau merujuk ke laman web Kami di www.etiqa.com.my.
Tanggungjawab untuk mengambil langkah sewajarnya dan tidak membuat salah nyataan	Ia adalah tanggungjawab Peserta dan Orang Yang Dilindungi untuk mengambil langkah sewajarnya untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau membuat pendedahan, semasa: 1) Membuat permohonan; 2) Mengembalikan semula tertakluk kepada terma dan syarat Sijil; 3) Meminda Sijil; dan 4) Membuat pengesahan mengenai jawapan atau pengakuan yang telah diberikan sebelum ini. Tanggungjawab ini hendaklah berterusan sehingga Tarikh Permulaan Sijil atau tarikh efektif bagi perubahan berikutnya. Sekiranya Kami mengenal pasti salah nyata dalam tempoh dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan, atau tarikh terakhir Pengembalian Semula Sijil ini, mana-mana yang lebih kemudian, remedi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai. Kami hanya boleh mencabar Sijil bagi salah nyata lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan atau tarikh terakhir Pengembalian Semula Sijil ini, mana-mana yang lebih kemudian, melainkan Kami dapat membuktikan yang Peserta atau Orang Yang Dilindungi menyembunyikan atau menipu dalam mengemukakan Maklumat Material, mana-mana yang jika diketahui oleh Kami, akan membawa kepada keengganan Kami untuk mengeluarkan Sijil, atau mungkin mendorong Kami mengenakan terma dan syarat yang kurang memihak daripada yang dikenakan di dalam Sijil. Dalam keadaan sedemikian remedi di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.
Maklumat Material tidak didedahkan atau disalah nyata	Sekiranya Kami menamatkan Sijil ini kerana salah nyata atau tidak mendedahkan Maklumat Material, dalam keadaan sedemikian remedi di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.

Hak Kami untuk melaraskan terma-terma bagi salah nyataan umur	Jika umur Orang Yang Dilindungi telah tersilap nyata, yang menyebabkan Sumbangan yang dibayar disebabkan oleh salah nyata tersebut tidak mencukupi, sebarang tuntutan yang dibayar tertakluk kepada had maksimum yang dinyatakan dalam Sijil ini akan dikurangkan mengikut kadar berdasarkan nisbah Sumbangan sebenar yang dibayar dengan Sumbangan yang sepatutnya dicaj untuk Tahun Sijil. Jika salah nyataan bagi umur terhadap Orang Yang Dilindungi menyebabkan lebih Sumbangan, maka Kami akan membayar balik lebih tersebut kepada Peserta.
Hak Kami untuk pengecualian dan bukan pengecualian hak	Kelewatan atau kegagalan Kami untuk melaksanakan atau menguatkuasakan apa-apa hak di bawah Sijil, tidak akan dianggap sebagai pengecualian mana-mana hak, atau penamatan hak-hak tersebut. Pengecualian sebarang hak oleh Kami hanya sah apabila disahkan secara bertulis dengan syarat kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan atau menguatkuasa masih dalam tempoh batasan statutori berdasarkan undang-undang berkaitan.
Hak untuk menamakan Manfaat Takaful	Sekiranya Peserta adalah Orang Yang Dilindungi, Peserta Sijil boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi untuk mengagihkan Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada harta pusaka Peserta mengikut undang-undang yang berkenaan, atau sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat. Penamaan perlu didaftarkan dengan Kami, dan boleh dibuat: 1) Semasa permohonan dibuat; atau 2) Dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Sijil dikeluarkan. Peserta boleh menentukan bahagian pengagihan Manfaat Takaful untuk dibayar kepada setiap wasi atau benefisiari. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar wasi atau benefisiari secara sama rata. Penamaan benefisiari di bawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar kepada benefisiari apabila berlakunya kematian Peserta. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Peserta, atau tertakluk kepada hutang mereka. Apabila Manfaat Takaful dibayar, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Sijil ini.
Hak untuk menukar hak pemilikan Sijil	Sekiranya Peserta bukan Orang Yang Dilindungi, Peserta boleh menukar pemilik kepada Orang Yang Dilindungi, Permintaan Anda untuk mengubah pemilik Sijil mestilah secara bertulis, memuaskan Kami, dan mesti dihantar kepada Ibu Pejabat Kami. Untuk Sijil dengan Orang Yang Dilindungi juvana, apabila Orang Yang Dilindungi mencapai hari lahir ke-enam belas (ke-16), pemilikan Sijil ini boleh dipindahkan kepadanya, setelah mendapat persetujuan dari Peserta.
Hak untuk membatalkan penamaan	Penamaan akan dibatalkan: 1) Apabila Penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang Penama, kesemua Penama meninggal dunia semasa Anda masih hidup; 2) Melalui notis bertulis daripada Peserta kepada Kami; atau 3) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Peserta kepada Kami. Tertakluk kepada perkara di atas, penamaan tidak akan dibatalkan melalui wasiat atau dengan apa-apa tindakan, peristiwa atau cara-cara lain. Sekiranya terdapat lebih daripada satu Penama dan salah seorang daripada Penama yang dinamakan sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Peserta, Kami akan membayar bahagian Penama yang telah meninggal dunia kepada estet Peserta tersebut jika Peserta meninggal dunia, kecuali jika Peserta telah membuat penamaan bagi menggantikan bahagian Penama yang telah meninggal dunia tersebut.

MANFAAT TAKAFUL

Proses tuntutan dan bagaimana membuat tuntutan	Pihak Menuntut hendaklah memaklumkan kepada Kami mengenai suatu tuntutan bagi apa-apa Manfaat Takaful dengan menulis ke alamat Kami, dalam tempoh masa pemberitahuan notis. Pemberitahuan tuntutan mestilah termasuk mengemukakan bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti salinan kad pengenalan, passport, dan dokumen-dokumen tuntutan yang lain. Tempoh notis tuntutan dan pendokumenan tuntutan adalah khusus kepada jenis Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil. Notis tuntutan boleh dikemukakan selepas tempoh masa pemberitahuan notis, jika ia boleh dibuktikan notis tersebut telah diserahkan seberapa segera yang mungkin. Sekiranya sebarang bantuan diperlukan apabila membuat tuntutan, Pihak Menuntut perlu menghubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888. Dokumen tambahan mungkin akan diminta oleh Kami semasa Pihak Menuntut memaklumkan Kami mengenai tuntutan, atau selepas penilaian awal dokumen yang disertakan dengan borang tuntutan. Pihak Menuntut akan dimaklumkan secara bertulis mengenai sebarang keperluan dokumen tambahan. Dokumen bagi menyokong tuntutan hendaklah disediakan atas tanggungan Pihak Menuntut. Setelah semua dokumen diterima oleh Kami, Kami akan menerima atau menolak tuntutan untuk Manfaat Takaful mengikut terma dan syarat Sijil. Keputusan tuntutan oleh Kami akan dimaklumkan kepada Pihak Menuntut secara bertulis. Kami berhak untuk menolak apa-apa caj yang berkenaan dan amaun yang tertunggak yang terhutang kepada Kami sebelum membayar tuntutan bagi Sijil ini.
--	---

(I) MANFAAT-MANFAAT PERUBATAN

Frasa, Perkataan atau Singkatan Umum	Definisi														
Manfaat-manfaat Perubatan	Semasa Sijil ini masih Berkuat Kuasa, Kami akan membayar balik kepada Anda Bayaran Munasabah dan Biasa yang berkenaan dengan Perkhidmatan Perubatan yang diberikan kepada Orang Yang Dilindungi, terhad kepada Perkhidmatan Perubatan berdasarkan Jadual Manfaat: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr style="background-color: #FFD700;"> <th colspan="2">Manfaat-manfaat Pesakit Dalam & Pembedahan Balik Hari</th></tr> <tr> <td style="width: 30%;">Caj Bilik dan Makanan di Hospital</td><td>Yang berkenaan dengan penginapan bilik dan makanan sesuatu Penghospitalan, dengan syarat Penghospitalan bukanlah di Unit Rawatan Rapi;</td></tr> <tr> <td>Caj Unit Rawatan Rapi</td><td>Yang berkenaan dengan penginapan bilik dan makanan di Unit Rawatan Rapi semasa Penghospitalan, dengan syarat apabila had maksimum bilangan hari bagi Unit Rawatan Rapi tahunan sudah dicapai, caj harian kemudian akan terhad kepada had Bilik dan Makanan di Hospital;</td></tr> <tr> <td>Fi Pembedahan</td><td>Yang berkenaan dengan pembedahan, penilaian sebelum pembedahan, rundingan Pakar semasa Penghospitalan untuk Pembedahan dan jagaan selepas bedah;</td></tr> <tr> <td>Fi Pakar Bius</td><td>Yang berkenaan dengan pengurusan Pakar Bius untuk bius berkaitan dengan pembedahan;</td></tr> <tr> <td>Fi Bilik Bedah</td><td>Yang berkenaan dengan fi bilik bedah yang berkaitan dengan Pembedahan;</td></tr> <tr> <td>Caj Bekalan dan Perkhidmatan Hospital</td><td>Yang berkenaan dengan: 1) Penjagaan kejururawatan umum; 2) Dadah dan Ubat yang dipreskripsikan dan diambil; 3) Pembalut luka, splin dan acuan plaster; </td></tr> </table>	Manfaat-manfaat Pesakit Dalam & Pembedahan Balik Hari		Caj Bilik dan Makanan di Hospital	Yang berkenaan dengan penginapan bilik dan makanan sesuatu Penghospitalan, dengan syarat Penghospitalan bukanlah di Unit Rawatan Rapi;	Caj Unit Rawatan Rapi	Yang berkenaan dengan penginapan bilik dan makanan di Unit Rawatan Rapi semasa Penghospitalan, dengan syarat apabila had maksimum bilangan hari bagi Unit Rawatan Rapi tahunan sudah dicapai, caj harian kemudian akan terhad kepada had Bilik dan Makanan di Hospital;	Fi Pembedahan	Yang berkenaan dengan pembedahan, penilaian sebelum pembedahan, rundingan Pakar semasa Penghospitalan untuk Pembedahan dan jagaan selepas bedah;	Fi Pakar Bius	Yang berkenaan dengan pengurusan Pakar Bius untuk bius berkaitan dengan pembedahan;	Fi Bilik Bedah	Yang berkenaan dengan fi bilik bedah yang berkaitan dengan Pembedahan;	Caj Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	Yang berkenaan dengan: 1) Penjagaan kejururawatan umum; 2) Dadah dan Ubat yang dipreskripsikan dan diambil; 3) Pembalut luka, splin dan acuan plaster;
Manfaat-manfaat Pesakit Dalam & Pembedahan Balik Hari															
Caj Bilik dan Makanan di Hospital	Yang berkenaan dengan penginapan bilik dan makanan sesuatu Penghospitalan, dengan syarat Penghospitalan bukanlah di Unit Rawatan Rapi;														
Caj Unit Rawatan Rapi	Yang berkenaan dengan penginapan bilik dan makanan di Unit Rawatan Rapi semasa Penghospitalan, dengan syarat apabila had maksimum bilangan hari bagi Unit Rawatan Rapi tahunan sudah dicapai, caj harian kemudian akan terhad kepada had Bilik dan Makanan di Hospital;														
Fi Pembedahan	Yang berkenaan dengan pembedahan, penilaian sebelum pembedahan, rundingan Pakar semasa Penghospitalan untuk Pembedahan dan jagaan selepas bedah;														
Fi Pakar Bius	Yang berkenaan dengan pengurusan Pakar Bius untuk bius berkaitan dengan pembedahan;														
Fi Bilik Bedah	Yang berkenaan dengan fi bilik bedah yang berkaitan dengan Pembedahan;														
Caj Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	Yang berkenaan dengan: 1) Penjagaan kejururawatan umum; 2) Dadah dan Ubat yang dipreskripsikan dan diambil; 3) Pembalut luka, splin dan acuan plaster;														

	4) X-ray, pemeriksaan Makmal, Elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisme asas, suntikan dan larutan Intravena; dan 5) Memasukkan darah dan plasma darah tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma, terhad kepada yang diberikan semasa Penghospitalan;
Caj Lawatan Pakar Perubatan atau Pakar Dalam Hospital	Yang berkenaan dengan lawatan oleh seseorang Pakar Perubatan atau Pakar semasa Penghospitalan untuk sebab bukan Pembedahan;
Fi Pembedahan Balik Hari	Yang berkenaan dengan caj-caj untuk Pembedahan Balik Hari yang dijalankan di Hospital, termasuk bayaran Pakar dan Pembedahan, kemudahan dan bekalan yang disediakan untuk prosedur tersebut;
Fi Ambulans	Yang berkenaan dengan perkhidmatan ambulans domestik (termasuk atendan), dengan syarat Penghospitalan Orang Yang Dilindungi dengan segera;
Fi Laporan Perubatan	Yang berkenaan dengan fi yang ditanggung semasa memperoleh satu (1) laporan perubatan daripada Hospital atau Pakar Perubatan yang mengikuti Penghospitalan, yang berkenaan dengan sesuatu Penghospitalan di mana Manfaat-manfaat adalah dibayar bawah Sijil ini;
Manfaat-manfaat Pesakit Luar	
Caj Rawatan Demam Denggi Pesakit Luar	Yang berkenaan dengan rawatan, ujian pemeriksaan, dan ubat yang dipreskripsikan dijalani di mana-mana klinik atau Hospital yang berdaftar, dengan syarat Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan Demam Denggi. Diagnosis mesti disokong dengan pengesahan bertulis daripada Doktor yang merawat bersama dengan pengesahan serologi atau ujian pemeriksaan yang setara;
Caj Ujian Diagnostik Pra Hospital atau Pra Pembedahan	Yang berkenaan dengan Elektrokardiogram (ECG), X-ray, ujian makmal dan apa-apa ujian atau prosedur perubatan lain yang: 1) Dilakukan bagi tujuan diagnostik; 2) Disyorkan oleh Pakar Perubatan; 3) Menyebabkan Penghospitalan atau Pembedahan; dan 4) Tidak termasuk apa-apa caj Pakar Perubatan dan apa-apa ubat-ubatan; tertakluk kepada had enam puluh (60) hari sebelum dimasukkan ke hospital;
Fi Rundingan Pakar Pra Hospital atau Pra Pembedahan	Yang berkenaan dengan sehingga dua (2) rundingan Pengamal Am dan satu (1) rundingan Pakar, yang: 1) Rundingan tersebut berkaitan dengan Keadaan Perubatan yang sama; 2) menyebabkan Penghospitalan atau Pembedahan; dan 3) tidak termasuk mana-mana rawatan klinikal, ubat-ubatan dan rundingan yang selepas itu. tertakluk kepada had enam puluh (60) hari sebelum dimasukkan ke hospital;

	Caj Rawatan Selepas Penghospitalan atau Selepas Pembedahan	Yang berkenaan dengan Perkhidmatan Perubatan selepas Penghospitalan atau Pembedahan, dengan syarat rawatan atau ubat-ubatan diberikan atau dipreskripsikan oleh Pakar Perubatan yang mengikuti Penghospitalan atau Pembedahan dan berkaitan secara langsung dengan Penghospitalan atau Pembedahan tersebut, dan pembekalan ubat-ubatan yang dipreskripsikan adalah terhad kepada had sembilan puluh (90) hari selepas pelepasan;
	Caj Rawatan Kecemasan Pesakit Luar akibat Kemalangan	Yang berkenaan dengan Perkhidmatan Perubatan dalam klinik berdaftar atau kemudahan Pesakit Luar kecemasan Hospital, dalam dua puluh empat (24) jam selepas satu Kemalangan, termasuk rawatan susulan oleh Pakar Perubatan, klinik berdaftar atau Hospital yang sama, sehingga tiga puluh satu (31) hari daripada tarikh Kemalangan. Manfaat ini adalah tidak tertakluk kepada Deduktibel;
	Caj Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Yang dijalankan akibat Kegagalan Buah Pinggang, yang dibekalkan oleh: 1) Pusat rawatan dialisis yang berdaftar secara sah, atas dasar Pesakit Luar; dan 2) Dengan segera sebaik sahaja selepas Penghospitalan atau Pembedahan, tetapi tidak termasuk caj-caj yang berkaitan dengan rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dipreskripsikan untuk pengambilan di rumah. Kegagalan Buah Pinggang bermaksud kegagalan ginjal di peringkat akhir yang ditunjukkan melalui kegagalan kronik dan tak berbalik kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang akibatnya dialisis ginjal secara tetap dimulakan atau pemindahan ginjal dilakukan. Manfaat ini adalah tidak tertakluk kepada Deduktibel;
	Caj Rawatan Kanser Pesakit Luar	Termasuk radioterapi dan kemoterapi, yang diberikan oleh: 1) Pusat rawatan Kanser yang berdaftar secara sah, atas dasar Pesakit Luar; dan 2) Dengan segera sebaik sahaja selepas Penghospitalan atau Pembedahan, tetapi tidak termasuk caj-caj yang berkaitan dengan rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dipreskripsikan untuk pengambilan di rumah. Kanser ditakrifkan sebagai apa-apa tumor malignan yang didiagnosis secara positif dengan pengesahan histologi dan dicirikan oleh pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan penyerangan tisu. Istilah tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarkoma. Bagi takrif di atas, yang berikut tidak dilindungi: 1) Semua Kanser yang diklasifikasikan mengikut histologi sebagai pra-malignan, tidak invasif; karsinoma <i>in situ</i>; mempunyai sama ada malignansi pinggir; atau mempunyai potensi malignan rendah; 2) Semua tumor prostat, tiroid dan pundi kencing yang diklasifikasikan mengikut histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM); 3) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3; 4) Semua kanser dalam kehadiran HIV; dan 5) Apa-apa kanser kulit selain daripada melanoma malignan. Manfaat ini adalah tidak tertakluk kepada Deduktibel;

Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan	Semasa Sijil ini Berkuat Kuasa, Kami akan membayar kepada Anda Elaun Tunai Harian di satu Hospital Kerajaan berdasarkan amaun dan had dalam Jadual Manfaat untuk Jenis Pelan yang dinyatakan di dalam Jadual Takaful, untuk setiap hari yang lengkap selama dua puluh empat (24) jam semasa Penghospitalan di Hospital Kerajaan Malaysia, dengan syarat kadar bilik Hospital tidak melebihi kadar Bilik dan Makanan di Hospital (had harian dalam RM) mengikut Jadual Manfaat untuk Jenis Pelan yang dinyatakan di Jadual Takaful. Manfaat ini adalah tidak tertakluk kepada Deduktibel;
Deduktibel	Kami akan membayar balik kepada Anda perbelanjaan yang layak (seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Manfaat – perkara 3 hingga 16), lebih daripada jumlah Deduktibel yang dibayar oleh Anda bagi setiap Tahun Sijil. Anda mempunyai pilihan untuk menukar amaun Deduktibel Anda sebelum Ulang Tahun Sijil yang berikutnya. Penukaran tersebut akan berkuat kuasa dari Ulang Tahun Sijil yang berikutnya, tertakluk kepada penerimaan Kami. Deduktibel tidak akan dikenakan bagi situasi berikut, dan semua perbelanjaan perubatan yang layak akan dibayar seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk Jenis Pelan dalam Jadual Takaful sekiranya Orang Yang Dilindungi menerima: 1) Perkhidmatan Perubatan di fasiliti kesihatan kerajaan Malaysia; 2) Rawatan Kecemasan; atau 3) Rawatan selepas Penghospitalan untuk rawatan susulan bagi Kanser dan Dialisis Buah Pinggang.
Perkhidmatan Perubatan sementara di Luar Negara	Jika Orang Yang Dilindungi menerima Perkhidmatan Perubatan di luar negara dan belum bermastautin atau belum membuat perjalanan ke luar negara untuk lebih daripada sembilan puluh (90) hari dalam tahun tersebut sebelum Perkhidmatan Perubatan tersebut, Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang bersamaan dengan amaun yang akan dikenakan bagi rawatan yang sama untuk Keadaan Perubatan tersebut di Hospital di Malaysia, berdasarkan peruntukan Sijil ini, dengan syarat Perkhidmatan Perubatan adalah: 1) Berkenaan dengan kecemasan, dan tidak boleh ditangguhkan sehingga tarikh yang telah diatur untuk Orang Yang Dilindungi kembali ke Malaysia; 2) Bukanlah disebabkan oleh Keadaan Perubatan di mana sesuatu Perkhidmatan Perubatan pernah dibekalkan di Malaysia sebelumnya; 3) Berkenaan dengan satu Keadaan Perubatan yang tidak boleh dibekalkan oleh Institut Perubatan Malaysia seperti yang disyorkan oleh seseorang Pakar Perubatan Malaysia; 4) Bukan berkenaan dengan kos pengangkutan dari Malaysia ke Institut Perubatan luar Malaysia; atau 5) Bukan rawatan luar negara elektif. Kami berhak untuk menentukan sama ada rawatan di luar Malaysia tersebut adalah perlu, dengan merujuk kepada Doktor yang dilantik oleh Kami. Kami akan membayar balik caj sebenar mengikut terma dan syarat dan had Sijil ini dan amaun tersebut akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran rasmi yang digunakan pada tarikh keluar dari Hospital yang membekalkan Perkhidmatan Perubatan.
Pengecualian pada Manfaat Perubatan	Kami tidak akan membayar apa-apa Manfaat Perubatan jika ianya berlaku disebabkan: 1) Keadaan Sedia Ada kecuali keadaan tersebut telah diisytiharkan pada masa permohonan atau pengembalian semula dibuat dan telah diterima oleh Pengendali Takaful sebelum Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Pengembalian Semula; 2) Penyakit yang Ditetapkan; 3) Apa-apa Keadaan Perubatan yang timbul dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan berterusan dari Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Pengembalian Semula Sijil; mana-mana yang kemudian, kecuali kecederaan akibat Kemalangan;; 4) Pembedahan plastik atau kosmetik; penyiasatan atau pemeriksaan diagnostik atau prosedur yang bukan diperlukan dari segi perubatan atau berkaitan dengan rawatan, pencegahan, uji kaji, rawatan-rawatan elektif atau prosedur, termasuk ubat dan/atau teknologi perubatan atau prosedur yang tidak konvensional, yang belum pernah dibuktikan berkesan dan belum diluluskan oleh badan-badan yang diiktiraf di negara di mana Anda menerima rawatan; 5) Prosedur mata, atau ujian termasuk tetapi tidak terhad kepada, pembiasan atau pembedahan pembetulan penglihatan dekat (Keratotomy Radial), atau penglihatan jauh (Lasik), kecuali diperlukan untuk mengelakkan kebutaan kekal dan menyeluruh; 6) Peralatan-peralatan prostetik luaran termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, alat pendengaran, perentak jantung yang diimplankan; 7) Rawatan pergigian, prosedur, atau ujian kecuali diperlukan pada gigi asli yang sihat akibat kemalangan yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh Sijil;

	8) Prosedur, rawatan atau ujian yang berkaitan dengan kehamilan, bersalin (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran, penjagaan pranatal atau posnatal, kemandulan, terapi pertukaran hormon, prosedur penugasan semula jantina, perancangan keluarga, pensterilan, kecacatan kelahiran, penyakit atau Keadaan Kongenital atau keturunan, ketidakfungsian erektile dan penyunatan; 9) Vitamin-vitamin, makanan atau suplemen kesihatan, ubat menerusi kaunter, kejururawatan peribadi, rehat pulih, dan kebersihan; 10) Pendermaan organ atau tisu otot, dan rawatan atau prosedur untuk dengkur, gangguan tidur, obesiti dan peningkatan berat badan; 11) Prosedur atau rawatan atau ubat alternatif, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, refleksologi akutekanan, penetapan tulang, rawatan herba,urut atau terapi aroma; 12) Mana-mana rawatan atau prosedur di mana pembayaran adalah tidak diperlukan, atau yang mana perlu dibayar di bawah polisi insurans / Sijil Takaful lain, atau indemniti yang melindungi Orang Yang Dilindungi dan Ketidakupayaan yang timbul daripada tugas pekerjaan atau profesion yang dilindungi bawah Polisi Insurans / Sijil Takaful Pampasan Pekerja; 13) Psikiatri, Keadaan Perubatan yang berkaitan dengan mental atau sistem saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik mereka; 14) Perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan perubatan, seperti televisyen, telefon, internet, surat khabar, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak; 15) Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri, jika Siuan; 16) Perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi, serangan daripada negara luar atau pencerobohan; 17) Penyertaan dalam mana-mana aktiviti jenayah atau aksi yang menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam; 18) Pencemaran radioaktif yang timbul daripada bahan api, senjata, sisa dan pemprosesan; 19) Latihan atau penglibatan dalam sukan atau aktiviti-aktiviti berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada): i. aktiviti-aktiviti di bawah air yang melibatkan kegunaan udara termampat atau gas; ii. pengembaraan gua, pendakian gunung yang memerlukan kegunaan tali atau kabel; iii. pemburuan, aktiviti kenderaan jauh dari jalan atau meluncur air; iv. penerbangan atau aktiviti udara lain melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam sistem penerbangan komersial; v. sukan payung terjun, luncur gantung, terjun bungee, atau apa-apa aktiviti-aktiviti terjun udara; vi. sebarang aktiviti-aktiviti perlumbaan kecuali perlumbaan menggunakan kaki; vii. sukan-sukan profesional; atau viii. seni mempertahankan diri atau melawan, kecuali didedahkan dan diterima oleh Pengendali Takaful semasa permohonan; 20) Penggunaan alkohol, dadah yang tidak ditentukan atau menyalahi undang-undang atau narkotik, atau disebabkan oleh rawatan untuk keadaan yang menagihkan; 21) Virus Immunodeficiency Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS); 22) Penyakit atau gangguan kelamin, dan keadaan-keadaan yang berpunca penyakit atau gangguan ini; 23) Provokasi fizikal yang ganas oleh Orang Yang Dilindungi, yang menyebabkan maklum balas yang serupa kepada kecederaan atau kematian; 24) Penyedutan racun, gas atau wasap secara suka rela; atau 25) Kegagalan untuk mendapatkan atau mematuhi nasihat perubatan dan/atau rawatan, atau penangguhan dalam mendapatkan atau mematuhi nasihat perubatan atau rawatan yang ditentukan yang tidak munasabah.
--	--

JADUAL MANFAAT

No.	Jenis Pelan	Pelan 1	Pelan 2
1	Had Tahunan Keseluruhan	RM200,000	RM250,000
2	Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada had	
	Manfaat-manfaat Pesakit Dalam & Pembedahan Balik Hari		
3	Caj Bilik dan Makanan Di Hospital (Had RM harian)	RM350	RM400
4	Caj Bilik dan Makanan Di Hospital (Had bilangan hari setiap Tahun Sijil)	Tiada had	
5	Caj Unit Rawatan Rapi (Tiada had hari setiap Tahun Sijil)	Seperti yang dicaj (tertakluk kepada had tahunan keseluruhan)	
6	Fi Pembedahan		
7	Fi Pakar Bius		
8	Fi Bilik Bedah		
9	Caj Bekalan & Perkhidmatan Hospital		
10	Caj Lawatan Pakar Perubatan atau Pakar Dalam Hospital (Terhad kepada 2 lawatan sehari)		
11	Fi Pembedahan Balik Hari		
12	Fi Ambulans		
13	Fi Laporan Perubatan (Had RM bagi setiap Penghospitalan)	RM150	
	Manfaat-manfaat Pesakit Luar		
14	Caj Rawatan Demam Denggi Pesakit Luar termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat-ubatan	Sehingga RM2,000 (Had setiap Tahun Sijil dan tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan)	
15	Caj Ujian Diagnostik Pra Hospital atau Pra Pembedahan (dalam 60 hari sebelum Penghospitalan)	Seperti yang dicaj (tertakluk kepada had tahunan keseluruhan)	
16	Fi Rundingan Pakar Pra Hospital atau Pra Pembedahan (dalam 60 hari sebelum Penghospitalan – maksimum 2 rundingan Pengamal Am dan 1 rundingan Pakar)		
17	Caj Rawatan Selepas Penghospitalan atau Selepas Pembedahan (dalam 90 hari selepas Pelepasan)		
18	Caj Rawatan Kecemasan Pesakit Luar akibat Kemalangan		
	Rawatan Kanser dan Dialisis		
19	Caj Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti yang dicaj (tertakluk kepada had tahunan keseluruhan)	
20	Caj Rawatan Kanser Pesakit Luar		
	Manfaat-manfaat lain		
21	Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan (Had RM harian)	RM200	
22	Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan (Had bilangan hari setiap Tahun Sijil)	Tiada had	
	Deduktibel		
23	Amaun Deduktibel (Had RM bagi setiap Tahun Sijil, hanya terpakai untuk perkara 3 ke 17)	Pilihan 1: RM500 Pilihan 2: RM1,000	

(II) PENGAGIHAN LEBIHAN

Pengagihan lebihan DRP	Lebihan dari DERP dan jumlah untuk diagihkan akan ditentukan setiap tahun. Apa-apa pengagihan lebihan DERP, diperuntukan untuk peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada dasar lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. Berdasarkan keizinan yang diberikan kepada Kami oleh Anda dan Peserta yang lain, Kami akan menguruskan DERP sesuai dengan kehendak Syariah dan dengan cara yang menjaga kepentingan para Peserta. Kami mempunyai budi bicara penuh untuk melakukan dan menentukan tindakan yang dianggap perlu untuk manfaat semua peserta dan DERP, termasuk tetapi tidak terhad kepada melaburkan, dan/atau mendapatkan takaful semula yang mencukupi, tertakluk kepada persetujuan jawatankuasa Syariah Kami dan keperluan kawal selia yang lain. Sekiranya berlaku apa-apa defisit dalam DERP atau DERP tidak mencukupi untuk memenuhi tanggungjawab Takaful, tiada lebihan akan diagihkan bagi tahun kewangan itu. Pada keadaan itu, defisit akan pertamanya dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi peruntukan luar jangkaan. Jika DERP masih defisit, Qard akan diatitkan dengan syarat ketidakcukupan tersebut bukan berpunca daripada kecuaiian Pengendali Takaful. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar Qard. Jika ketidakcukupan adalah berpunca daripada kecuaiian Pengendali Takaful, Pengendali Takaful akan membuat pemindahan secara langsung bagi menampung ketidakcukupan tersebut.
Terma penyelesaian untuk pengagihan lebihan	Bahagian yang boleh diagihkan daripada apa-apa lebihan adalah lima puluh peratus (50%) dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan DERP, berasaskan kontrak Ju'alah, manakala baki lima puluh peratus (50%) dikongsi antara Peserta yang Sijilnya masih Berkuat Kuasa, dan tidak membuat sebarang tuntutan terhadap Manfaat Takaful dalam tahun kewangan tersebut. Perkongsiian lebihan yang diagihkan di kalangan peserta-peserta akan dikumpulkan di dalam dana berasingan untuk setiap peserta. Pada akhir tahun kewangan, sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi dari dana berasingan semua Peserta pada Tahun Kewangan tersebut adalah lima belas peratus (15%) yang dibayar kepada Kami, dan baki lapan puluh lima peratus (85%) akan dikongsi di kalangan Peserta-peserta yang Sijilnya masih Berkuat Kuasa, berasaskan kontrak Mudarabah. Lebihan yang terkumpul dalam dana berasingan akan dibayar kepada Peserta sekiranya Manfaat Takaful tidak diserahkan hak, atau kepada Pemegang Serah Hak sekiranya Manfaat Takaful telah diserahkan hak. Bayaran tersebut adalah: 1) seperti yang dinyatakan dalam terma-terma dan syarat-syarat untuk Manfaat Takaful yang lain dalam Sijil ini, apabila Manfaat Takaful ini perlu dibayar; 2) jumlah tunggal sekiranya Sijil tersebut masih Berkuat Kuasa sebelum Tarikh Tamat Tempoh; atau 3) jumlah tunggal yang diminta oleh Peserta secara bertulis pada bila-bila masa sebelum Tarikh Tamat Tempoh, sekiranya Sijil masih Berkuat Kuasa pada masa itu dan jumlah yang diminta adalah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM 500).

SYARAT DAN PERUNTUKAN

Pindaan	Kami berhak meminda syarat dan peruntukan Sijil ini (tertakluk kepada keperluan, kawajaran dan atas alasan yang kukuh) dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Anda terlebih dahulu dan pindaan tersebut akan terpakai dari pembaharuan berikutnya bagi Sijil ini. Pindaan dalam Sijil ini tidak sah kecuali dibenarkan dan diendorskan oleh Kami.
Penyerahan hak	Sijil ini tidak boleh diserahkan hak.
Perubahan dalam risiko	Anda akan memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada Kami tentang apa-apa perubahan penting dalam pekerjaan, perniagaan, tugas atau kegiatan Orang Yang Dilindungi dan membayar apa-apa Sumbangan tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Kami.
Pemfailan bukti kerugian akibat Perkhidmatan Perubatan	Selepas notis tuntutan dibuat, sila sertakan semua maklumat berkaitan seperti bil Hospital terperinci asal, resit atau laporan perubatan untuk menyokong tuntutan Anda. Tuntutan untuk semua Manfaat yang memenuhi syarat tidak akan dibayar kecuali Kami menerima bil dan resit asal daripada Anda. Keterangan tuntutan hendaklah dikemukakan atas perbelanjaan Anda sendiri, dan hendaklah dikemukakan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perlepasan daripada Hospital.

Notis tuntutan akibat Perkhidmatan Perubatan	Anda mestilah memberi Kami notis bertulis untuk tuntutan Perkhidmatan Perubatan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perlepasan daripada Hospital. Kegagalan memberikan notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan apa-apa tuntutan jika boleh ditunjukkan bahawa ianya adalah tidak munasabah untuk memberikan notis tersebut dan notis itu telah diberikan seberapa segera yang mungkin.																												
Sambungan tuntutan ke Tahun Sijil yang seterusnya	Dalam keadaan dimana tempoh Penghospitalan, rawatan Pesakit Luar, pra Penghospitalan, selepas Penghospitalan atau sebarang rawatan lain yang berkaitan bersambung ke Tahun Sijil yang seterusnya, perbelanjaan yang layak untuk dibayar balik akan dibahagikan sewajarnya berdasarkan butiran perbelanjaan sebenar yang dikenakan setiap hari bagi Tahun Sijil yang berkenaan. Sekiranya tidak ada butiran perbelanjaan dibahagikan mengikut hari, perbelanjaan tersebut akan dibahagikan sebagai peratusan hari sebenar (termasuk hari kemasukan) Penghospitalan bagi setiap Tahun Sijil berkenaan.																												
Meningkatkan bayaran bilik dan makanan	Dalam keadaan apabila kadar sebenar Bilik dan Makanan yang dikenakan mengikut hari adalah lebih tinggi daripada kelayakan berdasarkan Pelan yang telah dipilih oleh Orang Yang Dilindungi seperti di Jadual Takaful dan had Bilik dan Makanan di Hospital harian berdasarkan Jadual Manfaat, Anda akan membayar perbezaan di antara caj Bilik dan Makanan di Hospital dan had kadar itu.																												
Mengurangkan Manfaat yang layak	Anda mempunyai pilihan untuk mengurangkan manfaat yang layak bagi Sijil ini dengan memohon untuk menukar kepada pelan Manfaat yang lebih rendah. Ianya hanya boleh dibuat pada Ulang Tahun Sijil yang seterusnya selepas permohonan anda kepada Kami.																												
Subrogasi	Jika Anda mengalami Keadaan Perubatan disebabkan oleh tindakan atau paksaan pihak lain, dan Kami mengalami kerugian di bawah Sijil ini, Anda bersetuju untuk: 1) Memberikan kuasa kepada Kami untuk membuat dakwaan di atas nama Anda bagi menuntut balik kerugian, dan remedi yang lain; dan 2) Memberikan Kami segala bantuan yang diperlukan untuk melakukan tindakan di atas. Kami akan membayar segala perbelanjaan bagi menuntut balik kerugian tersebut.																												
Penyelarasan Manfaat-manfaat	Kami tidak akan memberikan sebarang pampasan selain daripada yang secara berkadar sekiranya Orang Yang Dilindungi mempunyai sebarang perlindungan Penghospitalan dan pembedahan yang lain yang berasaskan pembayaran balik dengan Kami dan syarikat-syarikat lain, atau menerima pampasan daripada sumber-sumber lain yang berkaitan dengan Keadaan Perubatan yang dinyatakan di Sijil ini. Amaun tuntutan agregat haruslah terhad kepada Bayaran Munasabah dan Biasa untuk Keadaan Perubatan di mana tuntutan dibuat.																												
Pembatalan	Anda boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Apabila Sijil dibatalkan, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Sijil ini. Anda layak untuk mendapatkan bayaran balik Sumbangan seperti yang berikut, dengan syarat Anda tidak membuat sebarang tuntutan dalam Tahun Sijil semasa: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh Tidak Melebihi</th><th>Mod Sumbangan Tahunan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>15 hari (Pembaharuan sahaja)</td><td>90%</td></tr> <tr> <td>1 bulan</td><td>80%</td></tr> <tr> <td>2 bulan</td><td>70%</td></tr> <tr> <td>3 bulan</td><td>60%</td></tr> <tr> <td>4 bulan</td><td>50%</td></tr> <tr> <td>5 bulan</td><td>40%</td></tr> <tr> <td>6 bulan</td><td>30%</td></tr> <tr> <td>7 bulan</td><td>25%</td></tr> <tr> <td>8 bulan</td><td>20%</td></tr> <tr> <td>9 bulan</td><td>15%</td></tr> <tr> <td>10 bulan</td><td>10%</td></tr> <tr> <td>11 bulan</td><td>5%</td></tr> <tr> <td>Tempoh melebihi 11 bulan</td><td>Tiada bayaran balik</td></tr> </tbody> </table> Tiada pengembalian Sumbangan bagi kes bulanan.	Tempoh Tidak Melebihi	Mod Sumbangan Tahunan	15 hari (Pembaharuan sahaja)	90%	1 bulan	80%	2 bulan	70%	3 bulan	60%	4 bulan	50%	5 bulan	40%	6 bulan	30%	7 bulan	25%	8 bulan	20%	9 bulan	15%	10 bulan	10%	11 bulan	5%	Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik
Tempoh Tidak Melebihi	Mod Sumbangan Tahunan																												
15 hari (Pembaharuan sahaja)	90%																												
1 bulan	80%																												
2 bulan	70%																												
3 bulan	60%																												
4 bulan	50%																												
5 bulan	40%																												
6 bulan	30%																												
7 bulan	25%																												
8 bulan	20%																												
9 bulan	15%																												
10 bulan	10%																												
11 bulan	5%																												
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik																												

PERUNTUKAN SUMBANGAN, LUPUT DAN PENGEMBALIAN SEMULA

Amaun Sumbangan dan tarikh genap tempoh	Amaun Sumbangan, Tarikh Permulaan, dan mod Sumbangan ditunjukkan di dalam Jadual Takaful. Orang Yang Dilindungi mestilah masih hidup semasa Sumbangan pertama dibayar. Sumbangan akan berubah pada hari pertama Tahun Sijil yang berikutnya. Kadar Sumbangan adalah tidak dijamin dan Kami berhak untuk mengubah kadar Sumbangan (tertakluk kepada keperluan, kewajaran dan atas alasan yang kukuh) dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari lebih awal. Sekiranya terdapat lebih Sumbangan, Kami akan: 1) Mengembalikan lebih Sumbangan tersebut kepada Anda setelah Kami tentukan jumlahnya; atau 2) Membawa ke hadapan lebih bayaran ke tarikh genap tempoh Sumbangan yang berikutnya seperti yang Kami anggap sesuai.		
Mod Sumbangan	Mod Sumbangan adalah mengikut kemudahan Anda. Anda boleh menukar mod Sumbangan kepada tahunan atau bulanan, tertakluk kepada terma dan syarat Kami. Jika Anda menukar mod Sumbangan, amaun Sumbangan yang perlu dibayar pada setiap tarikh genap tempoh baru akan berubah.		
Pembayaran Sumbangan dan Tempoh Tangguh	Sumbangan dibayar secara tahunan atau bulanan ulang tahun Tarikh Permulaan, berdasarkan mod Sumbangan yang telah Anda pilih dan dinyatakan di Jadual Takaful. Jika Sumbangan tidak dibayar dalam Tempoh Tangguh, Sijil akan luput selepas itu. Selepas Sijil Luput, Kami akan dilepaskan daripada sebarang liabiliti lanjut di bawah Sijil ini.		
Penolakan Fi Wakalah	Sebahagian daripada Sumbangan yang Anda bayar akan ditolak sebagai Fi Wakalah, bagi setiap tahun dan setiap Sijil. Baki Sumbangan akan diperuntukkan ke dalam DRP. <table><tr><td>Fi Wakalah (% daripada amaun Sumbangan tahunan)</td></tr><tr><td>27%</td></tr></table> Jika Sumbangan tidak dibayar secara tahunan, penolakan Fi Wakalah akan dipro rata berdasarkan mod Sumbangan.	Fi Wakalah (% daripada amaun Sumbangan tahunan)	27%
Fi Wakalah (% daripada amaun Sumbangan tahunan)			
27%			
Pengembalian Semula	Jika Sijil Anda telah Luput, Anda boleh memohon untuk mengaktifkan semula Sijil ini kepada keadaan Berkuat Kuasa sekiranya syarat-syarat di bawah dipenuhi pada tarikh kuat kuasa Pengembalian Semula: 1) Orang Yang Dilindungi masih hidup; 2) Semua Sumbangan perlu dibayar telah diterima oleh Kami; 3) Kami telah menerima dan berpuas hati dengan bukti kesihatan Orang Yang Dilindungi dan maklumat lain yang Kami perlukan dengan kosnya ditanggung oleh Anda; 4) Belum mencapai Tarikh Tamat Tempoh; 5) Sijil tidak diserahkan atas permintaan Anda; dan 6) Pengembalian Semula kurang dari satu tahun (1) dari tarikh kuat kuasa Luput. Permohonan Anda untuk Pengembalian Semula dan apa-apa pernyataan bertulis daripada Anda akan menjadi sebahagian daripada Sijil ini. Kami mempunyai hak untuk tidak mengembalikan semula Sijil ini atau untuk mengembalikan semula Sijil dengan syarat tambahan.		

ADUAN & PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Bagaimana untuk membuat aduan kepada Kami	Jika Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Kami di bawah Sijil ini, sila tulis ke alamat pos Kami: Unit Pengurusan Aduan, Etiqa Family Takaful Berhad, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau e-mel ke complaint_cmu@etiqa.com.my. Nombor telefon Kami adalah 1300-13-8888 (untuk pemanggil luar negara nombor talian adalah +603-2780 4500).
Bagaimana untuk membuat aduan kepada pengawal selia kerajaan	Jika Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Kami, sila tulis kepada BNM, termasuk butir-butir cara pengendalian, jenis pertikaian, nama Kami, nombor Sijil, dan apa-apa surat-menyurat di antara Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami. Alamat pos bagi menulis ke BNM adalah: Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur; faksimili kepada 03-2174 1515, atau e-mel di bnmlink@bnm.gov.my. Nombor telefon BNM adalah 1300-88-5465.
Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara	Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa Family Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa Family Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi FMOS melalui: Talian am: 03-2272 2811 Alamat pos: Ketua Pegawai Eksekutif, Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No. Syarikat: 200401025885) (Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan), Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur. Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat FMOS. FMOS perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa Family Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta. Untuk maklumat lanjut mengenai FMOS, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa Family Takaful Berhad atau layari laman web FMOS di www.fmos.org.my. Penglibatan FMOS adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi FMOS tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa Family Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh FMOS.
Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui Penimbang tara	Jika Pihak Menuntut atau Peserta mempertikaikan keputusan yang telah Kami buat berkaitan dengan Sijil ini, dan tidak mahu untuk menggunakan pengantara bagi pertikaian itu, atau tidak menerima keputusan FMOS selepas pengantara, Pihak Menuntut atau Peserta boleh merujuk kepada Penimbang tara. Permohonan untuk rujukan hendaklah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada pemberitahuan keputusan tersebut. Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami akan sama-sama bersetuju untuk melantik seorang Penimbang Tara. Jika Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbang Tara dalam tempoh satu (1) bulan notis timbangtara, maka Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami perlu melantik seorang Penimbang Tara bagi setiap pihak, dan kedua-dua Penimbang Tara akan melantik seorang pengadil. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan persidangan mereka. Semua pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang membuat pelantikan tersebut. Penimbang Tara (dalam hal Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami bersetuju untuk seorang Penimbang Tara), atau Penimbang Tara-Penimbang Tara dan pengadil (dalam hal Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami tidak bersetuju dengan seorang Penimbang Tara), hendaklah mengkaji semula pertikaian itu dan membuat keputusan. Keputusan timbangtara akan merangkumi penyelesaian pertikaian dan kos timbangtara. Keputusan timbang tara tidak boleh dipertikaikan dan mengikat kedua-dua pihak iaitu Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami.